

28 NOV 1997

Mahathir-IMF

MALAYSIA MENAHAN DIRI TERIMA BANTUAN KEWANGAN IMF, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa Malaysia akan terus menahan diri daripada meminta bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarbangsa (IMF) bagi mengelakkan beban tambahan ke atas rakyatnya yang telah terjejas teruk oleh masalah kewangan.

Katanya syarat-syarat yang ditetapkan di bawah pelan penyelamat IMF tidak banyak ditujukan ke arah membantu ekonomi-ekonomi yang terganggu tetapi dibentuk untuk menjamin pembayaran balik pinjaman.

Ketika bercakap dalam wawancara dengan akhbar harian kewangan terkemuka Jepun, Nihon Keizai Shimbun, dan rangkaian Televisyen Tokyo di sini, beliau tidak menolak sama-sekali bahawa Malaysia akan menerima bantuan IMF tetapi berkata "kami akan menahan diri sedaya mungkin."

Dr Mahathir ketika menjawab satu soalan mengenai sama ada Malaysia menyusuli Korea Selatan dalam meminta bantuan IMF mengatasi masalah mata wang, beliau menjelaskan bahawa Malaysia agak keberatan kerana memikirkan akibat syarat-syarat IMF itu ke atas rakyat dan negara.

"Terdapat tiga syarat utama yang amat tidak baik bagi mana-mana negara yang meminta bantuan daripada IMF," kata Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja dua hari selepas menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada.

Pertamanya, menurutnya, sesebuah negara yang menerima bantuan IMF terpaksa membuka pasaran kewangannya dan dengan berbuat demikian, ia akan mewujudkan potensi risiko bagi bank-bank tempatan untuk diambil milik sepenuhnya oleh bank-bank asing yang besar.

Dr Mahathir berkata ini berlaku kepada banyak negara yang telah membuka pasaran kewangan mereka.

"Sebaik sahaja sesebuah negara membuka pasaran kewangan, bank-bank asing itu masuk dan mengambil milik bank-bank tempatan... maka kita tidak akan ada lagi bank tempatan dan kita tidak boleh membuat perubahan dasar," katanya dalam wawancara selama 40 minit pada permulaan program kerjanya hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia turut memandang berat terhadap syarat yang terpaksa meningkatkan kadar faedah, yang katanya, akan membantutkan perniagaan di negara berkenaan.

Syarat ketiga, katanya, kerajaan terpaksa menambah cukai.

"Sekarang mata wang kami telah turun dan rakyat lebih miskin. Jika kita terpaksa membayar lebih banyak cukai, maka bebanan ke atas rakyat akan bertambah."

Dr Mahathir mengakui bahawa bukanlah niat IMF untuk membebankan negara dan rakyat itu tetapi hakikatnya ialah syarat-syarat tersebut akan menjejaskan Malaysia dan rakyatnya.

"Semua ini, tentunya, direka supaya membolehkan negara membayar balik hutang-hutang kepada bank-bank dan institusi-institusi asing... saya tidak fikir ini adalah niat IMF berbuat demikian tetapi inilah kesannya.

"Institusi-institusi asing akan mendapat balik wang mereka tetapi rakyat akan menderita," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur bulan depan dan agenda yang dicadangkan semasa perbincangan mereka dengan Perdana Menteri Ryutaro Hashimoto, dan beliau menjawab bahawa masalah mata wang rantau ini adalah antara isu-isunya.

Katanya mereka juga mungkin membincangkan mengenai pelaburan Jepun di

Asia Tenggara dan betapa perlunya mendapatkan sokongan berterusan Jepun bagi pengindustrian rantau ini.

Dr Mahathir berkata kerana masalah bersama yang dihadapi oleh ekonomi-ekonomi Asean, pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean (Afta) mungkin tergendala daripada sasaran dijadualkan tahun 2003.

Mengenai Kemudahan Tabung Asia, beliau berkata, sungguhpun para pemimpin Apec pada umumnya menyokong rangka kerja Manila, Malaysia sendiri berpendapat bahawa jika tabung itu cuma satu kaitan kepada IMF, maka ia tidak akan menyumbang sesuatu selain daripada meningkatkan saiz tabung yang ada di dalam IMF.

"Kita sentiasa berkata bahawa Tabung Asia patut diasingkan supaya ia kurang menyekat ke atas negara-negara yang perlukan bantuan... dengan itu sahaja ia akan berfungsi," katanya.

"Oleh kerana ia sebahagian daripada IMF, ia tidak lagi seperti Malaysia memberi pendahuluan AS\$1 bilion kepada Indonesia untuk membesarkan IMF. Itu tidak mencapai tujuan... itu adalah pandangan kami, ia bukan pandangan rangka kerja Manila."

Dr Mahathir berkata keengganan negara-negara maju meluluskan tabung berasingan selain daripada kemudahan IMF ialah satu cara tidak menggalakkan ekonomi-ekonomi yang terjejas daripada memperbetulkan kesilapan mereka.

Tetapi, Perdana Menteri menegaskan bahawa pembangunan ekonomi-ekonomi Asia Tenggara bukan disebabkan orang lain mengarahkan mereka bagaimana melakukan sesuatu.

"Kami membangunkan negara-negara kami sendiri melalui cara kami sendiri, yang merupakan bukti daya tanggungjawab kami kepada negara-negara kami," katanya. "Untuk mengatakan bahawa kami tidak bertanggungjawab jika terdapat tabung cadangan untuk membantu kami adalah mengandaikan bahawa kerajaan-kerajaan Asia, kerajaan-kerajaan Asia Tenggara tidak bertanggungjawab, ini tidak betul."

Dr Mahathir berkata jika kerajaan-kerajaan Asia tidak bertanggungjawab, maka negara-negara mereka tidak akan dapat dibangunkan.

Perdana Menteri berkata kerajaan-kerajaan negara-negara itu adalah bertanggungjawab dan mengambil berat mengenai membangunkan negara masing-masing.

"Tiada siapa yang menyuruh mereka tetapi mereka bertanggungjawab dalam membangunkan negara mereka sendiri," katanya.

Semasa wawancara itu, Dr Mahathir turut menjelaskan lebih lanjut mengenai cadangannya bagi urusan mata wang yang dikawal selia.

Katanya Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) adalah satu forum yang sesuai untuk membincangkan perkara seumpamanya kerana urusan mata wang adalah juga aktiviti perdagangan, manakala IMF adalah pertubuhan yang sesuai untuk menyelia urusan mata wang selepas WTO menetapkan peraturan-peraturannya.

Katanya jika WTO menetapkan peraturan mengenai urusan mata wang, peniaga-peniaga tukaran wang asing tidak akan dapat mengelakkan daripada mematuhiya memandangkan setiap negara akan bertanggungjawab kepada satu peraturan bersama.

Dr Mahathir berkata antara peraturan yang boleh diperkenalkan oleh WTO ialah mendaftar peniaga-peniaga tukaran wang asing, menubuhkan bursa dagangan tukaran wang asing tertentu dan menghadkan sokongan yang diberikan oleh bank-bank kepada peniaga mata wang.

Pada masa ini, bank-bank boleh memberikan pinjaman sehingga 20 kali daripada modal peniaga mata wang tetapi Dr Mahathir berkata WTO patut menghadkan sokongan kepada maksimum satu kali di atas modal.

Peniaga-peniaga mata wang dianggarkan mampu menghasilkan AS\$3.6 trilion dengan modal hanya AS\$180 bilion, dan ini memberi mereka kemampuan mempengaruhi aktiviti dagangan tukaran wang asing dunia.

Apabila ditanya mengenai perjumpaannya dengan Perdana Menteri Taiwan Vincent Siew di Taipei semalam, Dr Mahathir berkata itu bukanlah lawatan berjadual.

"Saya dalam penerbangan balik dari Vancouver (selepas mesyuarat Apec) dan kebetulan penerbangan komersil saya singgah di Taipei sebelum meneruskan ke Tokyo," katanya.

Katanya, sambil beliau menunggu sambungan penerbangan, Siew singgah dan mereka mengadakan perbincangan singkat. Beliau tidak menjelaskan lebih lanjut.

-- BERNAMA

MFJ OS NMO